

**TEKS UCAPAN
YB HJ. MOHD.ANUAR MOHD.TAHIR
TIMBALAN MENTERI KERJA RAYA**

**SEMPENA
PERHIMPUNAN BULANAN KEMENTERIAN KERJA RAYA BAGI
BULAN FEBRUARI 2019**

**12 FEBRUARI 2019
(SELASA)**

**BERTEMPAT DI
DEWAN TAN SRI MAHFOZ KHALID
KOMPLEKS KERJA RAYA**

Terima kasih saudara Pengacara Majlis.

YBhg. Dato' Dr. Syed Omar Sharifuddin bin Syed Ikhsan,
Ketua Setiausaha Kementerian Kerja Raya

YBhg. Dato' Sri Ir. Dr. Roslan bin Md. Taha,
Ketua Pengarah Kerja Raya

YBhg. Dato' Ir. Ahmad Asri Bin Abdul Hamid,
Ketua Eksekutif Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia
(CIDB)

YBhg. Dato Sr. Aziz Bin Abdullah,
Ketua Pengarah Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM)

YBhg. Dato'–Dato', Datin-Datin, Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

Selamat Sejahtera dan Selamat Pagi,

1. Sempena perhimpunan bulanan Kementerian Kerja Raya yang pertama bagi tahun 2019, terlebih dahulu, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan selamat tahun baharu 2019 kepada semua warga KKR dan Agensi, semoga tahun 2019 akan lebih sejahtera, makmur dan selamat.

PENGANTARABANGSAAN INDUSTRI BINAAN

2. Sepanjang tahun 2018, industri pembinaan Negara terus melakar pencapaian cemerlang di peringkat antarabangsa. Syarikat-syarikat pembinaan Malaysia telah berjaya memperoleh projek-projek pembinaan di luar negara bernilai RM1.85 bilion iaitu pencapaian sebanyak 95% berbanding dengan sasaran sebanyak RM2 bilion. Pencapaian ini adalah selari dengan usaha Kementerian untuk mengantarabangsakan industri pembinaan dan meletakkan nama Malaysia ke persada dunia.

3. Kementerian bersama-sama agensi-agensi di bawahnya telah terlibat di dalam beberapa program pengantarabangsaaan seperti:
 - menganjurkan Seminar Pengurusan Aset Jalan dan Pengurangan Risiko Bencana bersama *Ministry of Land, Transport, Infrastructure & Tourism (MLIT)*, Jepun;
 - menjadi tuan rumah bagi Mesyuarat ke-20 ASEAN *Task Force Building and Construction (TFBC)* yang membincangkan mengenai deraf *Mutual Recognition Arrangement (MRA)* bagi barangan pembinaan; dan
 - menerokai pasaran Turki melalui lawatan kerja dan rundingan perjanjian perdagangan bebas (*FTA*) bagi membuka peluang kepada syarikat-syarikat Malaysia yang berkredibiliti untuk mengeksport perkhidmatan pembinaan ke luar negara.

4. Bagi tahun 2019, selaras dengan Teras 4: Pengantarabangsaaan di bawah Program Transformasi Industri Pembinaan (*Construction Industry Transformation Programme - CITP*) tahun 2016-2020,

Kementerian akan terus berusaha untuk meningkatkan kerjasama dua hala dan pelbagai hala serta memastikan komitmen-komitmen yang telah digariskan oleh Badan-badan Serantau mahupun Antarabangsa di dalam sektor pembinaan, dipatuhi oleh Malaysia.

5. Antara inisiatif-inisiatif yang telah dirancang adalah seperti:
- memuktamadkan perjanjian perdagangan bebas bersama Turki;
 - menyertai *Intelligent Transportation System (ITS) World Congress* di Singapura;
 - memuktamadkan rundingan *ASEAN Mutual Recognition Arrangement (MRA)* bagi barangan pembinaan; dan
 - mengadakan lawatan kerja ke Eropah bagi mencari peluang-peluang baharu dalam sektor pembinaan.

YBhg. Dato'–Dato', Datin-Datin, Tuan-tuan dan Puan-puan

DIGITALISING THE CONSTRUCTION INDUSTRY

6. Pada tahun 2019, Kementerian Kerja Raya akan mengguna-pakai motto "*Digitalising the Construction Industry*". Selari dengan motto ini dan perkembangan Revolusi Industri 4.0 atau IR 4.0 Kementerian akan memberikan tumpuan kepada peningkatan produktiviti dan inovasi dalam industri pembinaan melalui penggunaan teknologi. Untuk mencapai hasrat ini, Kementerian bukan hanya akan memberi tumpuan kepada pembangunan mekanisme, perisian dan robotik tetapi juga untuk menyediakan data secara *real time* dan sistem yang lebih efisien. Kementerian Kerja Raya, agensi-agensinya dan pihak berkepentingan lain perlu

bersama-sama merealisasikan aspirasi ini demi mewujudkan rantaian gerak kerja yang telus, cekap dan efektif.

7. Selain daripada mempertingkatkan teknologi *Industrialised Building System (IBS)*, *Highway Information Modelling (HIM)* dan *Building Information Modelling (BIM)*, Kementerian Kerja Raya bersama - sama dengan CIDB sedang membangunkan portal *National Construction Industry Information Centre (NCIIC)*. Portal ini merupakan bank data dalam talian yang terdiri daripada 16 modul maklumat pembinaan yang mengandungi kos bahan bangunan, kadar upah buruh, kadar sewa jentera dan pembelian peralatan, indeks kos berkaitan dengan bahan binaan, tenaga kerja, jentera dan peralatan serta indeks kos pembinaan untuk bangunan utama. *NCIIC* juga adalah sebahagian daripada inisiatif *digitalising the construction industry*.

8. Bagi menyokong usaha memperkasakan penggunaan IBS, CIDB Malaysia telah melancarkan Program *IMPACT IBS* dan *IBS Score 2019* pada 17 Januari 2019 dan YB Menteri Kerja Raya telah merasmikan pelancaran program ini. Program *IMPACT* ini adalah satu bentuk pengesanan pengeluaran dan penghasilan produk *IBS* mengikut standard keperluan pengujian, sebagaimana yang telah ditetapkan oleh CIDB. Program *IMPACT* ini akan melibatkan penilaian dokumen dan pemeriksaan produk untuk memastikan kualiti produk *IBS* sentiasa terjamin. Ini adalah selaras dengan usaha menyokong salah satu inisiatif di bawah *Construction Industry Transformation Programme (CITP) 2016-2020* iaitu meningkatkan produktiviti dan selari dengan menyokong peranan CIDB sebagai agensi kawalselia kepada industri pembinaan negara.

Peranan ini telah diperjelaskan dalam Akta 520 (Pindaan 2011) di bawah Seksyen 4 (1) (m), iaitu mengawal selia pelaksanaan Sistem Binaan Berindustri dalam industri pembinaan.

9. Untuk merangsang Rancangan Malaysia KeSebelas (RMK11) dalam mengukuhkan semula pertumbuhan ekonomi untuk kemakmuran yang lebih besar, *CITP* telah dikaji semula untuk mengukuhkan mekanisme dan sasaran *CITP* menjelang tahun 2020. Sebanyak 38 *KPI CITP* baharu akan menggantikan *KPI* sedia ada dan akan dilaksanakan sepanjang tahun 2019 sehingga 2020.
10. Pada masa yang sama, Kementerian sedang menyediakan *blue print Intelligent Transportation System (ITS)*. *ITS* ini akan menyediakan hubungan digital antara pelbagai pengatur dan pengguna-pengguna di jalan raya dalam masa nyata; akan turut mengoptimumkan penggunaan teknologi dalam sistem pengangkutan negara.
11. Pada masa ini, Kementerian Kerja Raya bersama-sama dengan CIDB sedang membangunkan pelan induk Revolusi Industri 4.0 yang juga merupakan *KPI Menteri Kerja Raya* bagi tahun 2019.

PENCAPAIAN MINISTER'S PERFORMANCE INDICATOR (MPI), KKR

Hadirin yang dihormati sekalian,

12. Arus globalisasi menjadikan perkhidmatan awam lebih terdedah kepada cabaran persaingan global terutamanya daripada segi keperluan untuk menyediakan sistem penyampaian yang mesra

pelanggan dan memudahkan rakyat. Dalam konteks ini, *Minister's Performance Indicator (MPI)* telah dijadikan satu amalan yang diterapkan ke dalam budaya kerja berasaskan prestasi untuk mengukur 'kesan' dan 'hasil' terhadap program-program yang dilaksanakan oleh agensi-agensi kerajaan. Sebagai Kementerian yang bertanggungjawab ke atas pengurusan infrastruktur negara, segala peranan dan aktiviti yang dilaksanakan perlu sejajar dengan visi, misi dan fungsi Kementerian. Ini secara tidak langsung dapat memberikan gambaran yang jelas mengenai prestasi organisasi secara keseluruhannya.

13. Di kesempatan ini, saya ingin merakamkan ucapan terima kasih dan penghargaan kepada pegawai-pegawai Kementerian dan Agensi yang telah memberi komitmen padu dan memainkan peranan yang sewajarnya sehingga membawa kejayaan kepada pencapaian skor 98.74 peratus melalui dashboard MAMPU bagi pelaporan MPI YB Menteri Kerja Raya sehingga 30 November 2018.
14. Pada tahun 2019, *MPI* yang dipertanggungjawabkan untuk Menteri merangkumi program-program dan inisiatif-inisiatif yang merupakan keperluan kepada rakyat. Penetapan *MPI* tersebut telah diperhalusi dan dipersetujui bersama Pengurusan Tertinggi peringkat Kementerian dan Agensi setelah mengambilkira pandangan, keupayaan dan kebolehcapaian *MPI* tersebut. Saya menyeru agar pegawai-pegawai yang terlibat dalam melaksanakan *MPI* tersebut di peringkat Kementerian serta Agensi agar terus meningkatkan inisiatif serta memperkasakan sistem penyampaian perkhidmatan melalui pendekatan-pendekatan yang lebih berstruktur kerana saya

yakin Kementerian dan Agensi mempunyai pegawai-pegawai yang amat berwibawa untuk merealisasikan hasrat ini.

PENCAPAIAN PELAN STRATEGIK ORGANISASI (PSO) KKR 2016-2020

15. Dalam setiap organisasi, perancangan yang teliti dan strategik merupakan kunci kepada kejayaan apa juga program yang dirancang dan dilaksanakan. Tanpa perancangan boleh diibaratkan kita bergerak tanpa hala tuju dan tiada matlamat. Oleh itu, Pelan Strategik Organisasi (PSO) Kementerian Kerja Raya 2016-2020 disusun untuk panduan kita semua dalam memastikan peranan, fungsi dan tanggungjawab KKR berada di landasan yang betul.
16. Pelan Strategik Organisasi (PSO) Kementerian Kerja Raya telah memasuki tahun ke-tiga pelaksanaannya. Pada tahun 2018, semakan semula pelan tindakan telah dibuat dan terdapat penambahbaikan bagi pelan tindakan sedia ada bagi memastikan PSO Kementerian masih relevan dan sejajar dengan perkembangan semasa.
17. Secara keseluruhan pencapaian PSO sehingga suku tahun ketiga 2018 adalah sebanyak **97.44 peratus** yang melibatkan 78 pelan tindakan. Hanya 2 pelan tindakan tidak dapat dilaksanakan tahun ini kerana melibatkan agensi luar dan diluar kawalan pemilik pelan tindakan.
18. Sehingga suku tahun ketiga 2018, sebanyak **29 pelan tindakan (37.18 peratus)** yang menepati sasaran *KPI (on target)* yang telah

ditetapkan. Manakala **21 pelan tindakan (26.92 peratus)** telah melepasi sasaran *KPI (exceed target)* yang ditetapkan. Hanya **26 pelan tindakan atau 33.33 peratus** yang tidak mencapai sasaran *KPI (below target)*. Pencapaian ini dijangka akan meningkat setelah laporan pencapaian Pelan Strategik Organisasi sehingga 31 Disember 2018 dikeluarkan kelak.

KEJAYAAN JKR MALAYSIA

19. Jabatan Kerja Raya Malaysia telah melakar kejayaan menerusi Pasukan Sistem Pengurusan Tenaga Kompleks Ibu Pejabat JKR Malaysia apabila berjaya memenangi anugerah Johan, ***National Energy Award (NEA) 2018*** Kategori 1 – *Energy Efficiency (Energy Management in Large Building)* pada **19 Oktober 2018** di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC) sempena *International Greentech & Eco Products Exhibition and Conference (IGEM) 2018*. *National Energy Award (NEA)* ini dianjurkan oleh Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (MESTECC) bertujuan untuk mengiktiraf organisasi yang telah memberikan sumbangan di dalam bidang tenaga lestari iaitu sektor kecekapan tenaga, tenaga boleh baharu dan teknologi hijau.
20. JKR Malaysia turut cemerlang apabila diiktiraf **lima bintang (100 peratus) untuk Petunjuk Prestasi Utama (KPI) HRMIS Tahun 2017** oleh Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia, berbanding 99.20 pada tahun 2016. Penyerahan sijil anugerah telah disampaikan oleh Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, YBhg. Datuk Borhan bin Dolah semasa Mesyuarat Jawatan Kuasa Pemandu HRMIS pada 1

Oktober 2018. Ini merupakan pencapaian tertinggi yang boleh diperoleh oleh sesebuah agensi Kerajaan. Syabas diucapkan.

Hadirin yang dihormati,

21. **Satu Majlis Perasmian Penyerahan Projek Naiktaraf Jalan dari Kampung Berdang ke Kampung Sungai Rual (Fasa II), Jeli, Kelantan** telah berlangsung pada **24 November 2018** bertempat di tapak projek yang disempurnakan oleh YB Datuk Seri Rina Mohd Haron, Menteri Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB). Unit JKR KESEDAR telah dipertanggungjawabkan untuk melaksanakan projek ini secara Konvensional (Perunding) dan kontraktor yang terlibat adalah Chengal Jati Sdn. Bhd. Untuk makluman semua, projek ini telah mendapat pengiktirafan dalam anugerah ***Malaysia Construction Industry Excellent Award 2018 (MCIEA)*** anjuran CIDB dengan menggondol **Anugerah Projek Terbaik Infrastruktur**. Infrastruktur ini mampu menyediakan laluan perhubungan yang sempurna kepada perkampungan orang asli terutamanya selain menjadi laluan alternatif ke jalan utama Lebuhraya Timur Barat.

22. JKR selaku Agensi Pelaksana telah diberikan tanggungjawab yang besar bagi melaksanakan Projek Jalan Luar Bandar (JALB) dibawah Kementerian Pembangunan Luar Bandar. Untuk makluman, sebanyak 16 projek baharu JALB Semenanjung dengan kos keseluruhan berjumlah RM841.408 juta dibawah Rolling Plan Keempat, Rancangan Malaysia Kesebelas (RP4, RMKe-11) tahun 2019 telah diluluskan untuk dilaksanakan oleh JKR. Selain itu, JKR juga diberikan tanggungjawab untuk melaksanakan sebanyak 29 projek yang telah ditangguhkan di bawah RP3, RMKe-11 tahun

2018, untuk diteruskan semula pelaksanaannya di bawah RP4, RMKe-11 tahun 2019. Saya menyeru agar JKR selaku agensi pelaksana, terus komited dan berusaha sebaik mungkin dalam melaksanakan dan menjayakan segala tanggungjawab dan amanah yang diberikan.

Hadirin yang dihormati,

23. Pada **3 Disember 2018**, seramai 13 orang pegawai Jabatan Kerja Raya telah diiktiraf sebagai Pegawai Pakar Bidang Khusus (*Subject Matter Expert – SME*) yang berperanan untuk memberikan khidmat pakar dan menjadi sumber rujukan dalam dan luar organisasi mengikut bidang kepakaran masing-masing. Surat pengiktirafan ini telah disampaikan oleh YBhg. Datuk Seri Borhan Bin Dolah, Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam. Semoga JKR akan dapat melahirkan lebih ramai pakar dalam menghadapi cabaran globalisasi, liberalisasi dan ledakan teknologi.
24. Mesyuarat Jemaah Menteri yang bersidang pada 3 Oktober 2018 bersetuju dengan mengisytiharkan Hari Profesion Teknikal Negara pada hari Sabtu pertama bulan Disember setiap tahun bagi memperingati penubuhan JKR pada **3 Disember 1872**. Justeru, buat julung kalinya **Hari Profesion Teknikal Negara JKR 2018 (HPTN JKR 2018)** telah diadakan pada **4-5 Disember 2018**. Objektif utama program HPTN JKR 2018 adalah untuk menghargai sumbangan dan khidmat bakti serta peranan para Profesion Teknikal dalam membangunkan Negara. Selain itu, HPTN juga sebagai platform kepada Profesion Teknikal menyuarakan pandangan dan idea-idea bernas serta peluang untuk berinteraksi

dengan masyarakat bagi meningkatkan martabat dan taraf Profesion Teknikal.

YBhg. Dato'–Dato', Datin-Datin, Tuan-tuan dan Puan-puan

LEMBAGA LEBUHRAYA MALAYSIA

25. Bagi memastikan sistem pengurusan berjalan lancar, Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) telah mengunapakai dan menaiktaraf 4 Sistem Pengurusan iaitu :

- i. Sistem Pengurusan Kualiti (ISO 9001:2015)
- ii. Sistem Pengurusan Alam Sekitar (ISO 14001:2015)
- iii. Sistem Pengurusan Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan (ISO 45001:2018)
- iv. Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (ISO 27001:2013)

26. Pada Jun 2018, LLM juga telah menerima persijilan Sistem Pengurusan Keselamatan Jalan Raya (Road Traffic Safety, ISO 39001:2012). Sistem ini dibangunkan berpaksi kepada 3 teras utama iaitu pengurusan pemandu, pengurusan kenderaan dan pengurusan perjalanan dengan penetapan objektif yang khusus bagi memastikan sasaran sifar kematian melibatkan kenderaan pejabat LLM.

27. Bagi tahun 2019 pula, LLM berusaha untuk mendapatkan persijilan Sistem Pengurusan Anti Rasuah (ABMS) - MS ISO 37001:2016 bagi memberi panduan kepada LLM dalam melaksanakan serta

menambah baik sistem pengurusan anti-rasuah. Ini selaras dengan komitmen Kerajaan dalam pelaksanaan *human governance*, dan LLM mensasarkan persijilan ini akan diperolehi menjelang bulan Jun tahun 2019.

28. Tidak dinafikan bahawa lebuhraya di Malaysia adalah antara yang terbaik di Asia yang mana ianya menjadi kebanggaan negara. Justeru, adalah menjadi cabaran kepada LLM yang diberi tanggungjawab untuk memantau dan mengawasi pembinaan dan operasi kesemua lebuhraya bertol di seluruh Semenanjung Malaysia untuk terus mengekalkan prestasi perkhidmatan yang terbaik.
29. Bagi tahun 2018, LLM telah berjaya mencapai *KPI* 98 peratus berbanding tahun sebelumnya iaitu 96.7 peratus. Antara faktor-faktor yang diambil kira dalam mengukur perkhidmatan terbaik sesebuah lebuhraya adalah tahap kepuasan pengguna merangkumi kelancaran perjalanan, keselesaan dan keselamatan dan lain-lain perkhidmatan tambahan yang disediakan oleh pihak konsesi. Dalam hal ini, cabaran terbesar bagi LLM adalah untuk memastikan syarikat konsesi sentiasa mematuhi perjanjian yang telah dimeterai antara syarikat konsesi dengan kerajaan dalam memastikan visi & misi LLM dapat direalisasikan.

Hadirin yang saya hormati sekalian,

30. Kesejahteraan psikologi sangat penting dalam mempengaruhi kefungsiian mental dan kesihatan fizikal seseorang. Justeru, aspek kesejahteraan psikologi perlu diteliti dan diperkasakan selaras dengan hasrat kerajaan untuk membangunkan modal insan berprestasi tinggi dan sejahtera.
31. Rentetan daripada insiden-insiden yang menggemparkan masyarakat seperti isu peningkatan kes kesihatan mental, bunuh diri, pembuangan bayi, samun, gelandangan, serangan seksual, buli dan sebagainya, telah menimbulkan kesedaran akan pentingnya elemen kesejahteraan psikologi dalam kalangan rakyat. Baru-baru ini, di dalam Persidangan Psikologi Perkhidmatan Awam ke-23, kerajaan telah melancarkan Indeks Kesejahteraan Psikologi Malaysia (IKPM) bagi menilai tahap kesejahteraan psikologi rakyat Malaysia dalam usaha ke arah negara yang sihat dan berprestasi tinggi.
32. Dapatan Indeks menunjukkan bahawa rakyat Malaysia masih berada di **tahap sederhana** dari segi kesejahteraan psikologi dengan skor sebanyak **6.95** dari empat indeks komposit yang terlibat iaitu kesejahteraan sosial, kefungsiian psikologi, kepuasan hidup, emosi negatif dan emosi positif.
33. Kajian "*The Future of Wellness at Work*" oleh *Global Wellness Institute* pada tahun 2016 mendapati peningkatan kos berbilion Dollar setahun dialami sesebuah negara disebabkan oleh tempat kerja yang tidak sejahtera. Justeru, Kementerian Kerja Raya

melalui Bahagian Pengurusan Sumber Manusia telah mengambil inisiatif dengan menempatkan pegawai psikologi di kementerian bagi meningkatkan tahap kesejahteraan dan kesihatan psikologi warga kerja terjamin.

34. Usaha Bahagian Pengurusan Sumber Manusia Kementerian Kerja Raya telah terbukti apabila dianugerahkan penarafan lima (5) bintang di dalam Standard Kualiti Perkhidmatan Psikologi Sumber Manusia (SKPPSM) pada tahun 2017 yang lalu. Pada tahun 2019 ini, pihak Kementerian akan diaudit sekali lagi dan didoakan agar Bahagian Pengurusan Sumber Manusia dapat meneruskan prestasi yang cemerlang seperti tahun-tahun yang lepas.

PENUTUP

35. Tahun baharu 2019 ini pastinya akan mempunyai kisah dan peristiwa yang tersendiri. Dugaan dan cabaran yang datang mungkin berbeza dari apa yang pernah kita alami. Adalah penting untuk kita sama-sama mendepaninya dengan kesungguhan, keberanian dan penuh semangat perpaduan antara kita.
36. Akhir kata, dikesempatan ini saya ingin mengambil peluang untuk mengucapkan Selamat Tahun Baru Cina kepada semua warga Kerja Raya yang berketurunan Cina. Semoga negara kita terus kukuh dan maju dibawah lindungan Allah jua.

Sekian, Terima Kasih.